

Bonus setengah bulan atau minimum RM500

BH 14 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Kira-kira 800,000 kakitangan awam akan menerima bayaran bonus sebanyak setengah bulan gaji pokok, tertakluk kepada had minimum RM500.

Akauntan Negara, Siti Maslamah Othman, berkata imbuhan itu akan dibayar penuh dalam bulan ini.

Dalam pekeliling Akauntan Negara, beliau berkata, kadar bonus yang perlu dibayar hendaklah dikira berasaskan gaji pokok yang dibayar bagi bulan ini kecuali pegawai yang tidak lagi berkhidmat bagi tempoh Disember, yang perkiraannya berdasarkan kepada gaji pokok terakhir.

Mengikut pekeliling itu, cukai pendapatan tidak perlu dipotong daripada jumlah yang hendak dibayar tetapi imbuhan itu hendaklah diambil kira dalam Penyata Tahunan.

Minggu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mengkaji permintaan dan rayuan pelbagai pihak termasuk Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) supaya membayar bonus kepada kakitangan awam.

Perdana Menteri berkata, perkara itu sedang dikaji oleh Kementerian Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Sebelum ini, kakitangan awam agak kecewa apabila Daim tidak menyebut langsung mengenai pembayaran bonus ketika membentangkan Belanjawan 2001 di Dewan Rakyat pada 27 Oktober lalu.

Ketika ditanya wartawan mengenai perkara itu selepas pembentangan Belanjawan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak memberi bonus kepada kakitangan awam dalam Belanjawan 2001 kerana mereka baru saja diberikan kenaikan gaji 10 peratus.

Beliau berkata jumlah pendapatan yang dinikmati daripada kenaikan 10 peratus itu sebenarnya sudah melebihi jumlah bonus sebulan gaji.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menyambut baik pembayaran bonus setengah bulan kepada semua kakitangan kerajaan termasuk anggota polis dan tentera.

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam berkata hampir satu juta kakitangan kerajaan akan mendapat faedah daripada keputusan kerajaan itu.

"Pembayaran ini tepat pada masanya bagi membiayai perbelanjaan persekolahan dan musim perayaan Krismas, Aidilfitri dan Tahun Baru Cina," katanya dalam satu kenyataan.

Siva Subramaniam juga berkata, Cuepacs mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin atas bantuan itu.